



## MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

09.06.2023

### ❖ Menjawab tanpa mendedahkan

Dalam mesyuarat agung tahunan (*annual general meeting, AGM*) yang diadakan baru-baru ini, sebuah syarikat tersenarai awam utama (yang tersenarai dalam Indeks 100 Teratas FTSE Bursa Malaysia atau syarikat dengan permodalan pasaran RM2 bilion dan ke atas), terdapat persoalan diajukan berhubung peletakan jawatan tiga pengarahnya secara tiba-tiba sebelum AGM.

Seperti yang dinyatakan dalam notis AGM, Lembaga Pengarah telah mengesahkan cadangan daripada Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan Lembaga Pengarah untuk melantik semula tiga pengarah yang akan bersara yang menawarkan diri mereka untuk pelantikan semula semasa AGM.

Walau bagaimanapun, kurang dari empat minggu selepas pengeluaran notis AGM dan hanya sepuluh hari sebelum mesyuarat, Syarikat membuat tiga pengumuman berasingan pada hari yang sama, berhubung peletakan jawatan ketiga-tiga pengarah tersebut.

Sehubungan itu, Syarikat mengeluarkan notis AGM yang disemak semula dengan menarik balik tiga resolusi berhubung pelantikan semula pengarah dan memasukkan resolusi baharu untuk melantik semula seorang pengarah.

Pemegang saham yang membaca pengumuman itu berasa hairan dengan peletakan jawatan pengarah secara tiba-tiba, hanya beberapa hari sebelum AGM. Lebih-lebih lagi bukan seorang tetapi tiga pengarah Syarikat yang sebelum ini menawarkan diri mereka untuk dilantik semula.

Tambahan pula, pemegang saham yang ingin mengundi pada resolusi tambahan itu mempunyai masa kurang dari seminggu untuk mengisi borang proksi yang disemak semula dan diserahkan kepada pejabat berdaftar dalam bentuk bercetak atau elektronik.

Perenggan 9.19(12)(b) Syarat-syarat Penyenaiaan Pasaran Utama Bursa Malaysia menyatakan penerbit tersenarai perlu membuat pengumuman kepada Bursa jika terdapat sebarang perubahan dalam komposisi lembaga pengarah penerbit tersenarai. Peletakan jawatan seseorang pengarah juga perlu memasukkan sebab-sebab untuk peletakan jawatan tersebut.

Dalam hal ini, alasan yang diberikan dalam pengumuman syarikat untuk peletakan jawatan dua pengarah ini adalah kedua-dua pengarah meletakkan jawatan sebagai pengarah bebas Syarikat. Bagi pengarah ketiga yang meletakkan jawatan, pengumuman syarikat menyatakan beliau meninggalkan Lembaga Pengarah kerana beliau tidak lagi menjadi pengarah penama bagi Pemegang Saham Khas Syarikat dalam Lembaga Pengarah Syarikat kerana beliau kini menyandang jawatan baharu dalam perkhidmatan awam Malaysia.

Pengarah yang sebelum ini memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha (*Deputy Secretary General, SecGen*) sebuah jabatan di bawah kementerian kerajaan, kini menggalas tanggung jawab sebagai Ketua Setiausaha di jabatan yang sama di bawah kementerian yang sama pada Februari 2023. Baru-baru ini beliau dilantik semula dan kini menganggotai Lembaga Pengarah sebuah syarikat tersenarai lain.

Alasan yang agak kabur yang diberikan dalam pengumuman syarikat mungkin mendorong para pemegang saham untuk mengemukakan lebih banyak soalan sewaktu AGM diadakan. Syarikat menyatakan bahawa sebab-sebab peletakan jawatan mereka tidak dimaklumkan apabila para pengarah menyerahkan surat peletakan jawatan itu.

Syarikat kemudiannya mendedahkan bahawa pengarah-pengarah tersebut meletakkan jawatan atas sebab-sebab peribadi. Lembaga Pengarah menghormati keputusan mereka dan menerima peletakan jawatan masing-masing.

Walaupun Syarikat telah cuba menjelaskan sebab-sebab peletakan jawatan itu, para pemegang saham masih tidak tahu alasan sebenar ketiga-tiga pengarah itu meletakkan jawatan hampir serentak dan mengejut tanpa memaklumkan Lembaga Pengarah mengenai hasrat mereka untuk meletakkan jawatan.

Pengarah boleh meletakkan jawatan daripada lembaga atas pelbagai sebab. Dalam situasi ini, syarikat perlu mendapatkan penjelasan segera daripada pengarah yang meletakkan jawatan dan memasukkan sebab-sebabnya dalam pengumuman syarikat. Jika perlu, syarikat harus membuat pindaan yang tepat pada masanya kepada pengumuman syarikat untuk memaklumkan perkara sebenar.

Lembaga Pengarah perlu memberikan maklumat yang jelas dan telus kepada pemegang saham, yang berhak mengetahui sebab-sebab di sebalik peletakan jawatan seseorang pengarah secara mengejut. Ini adalah kerana kepercayaan dan ketelusan adalah elemen penting yang menjadi penguat hubungan antara syarikat dan pemegang sahamnya.

**Ooi Beng Hooi**  
**Pengurus, Pemantauan Korporat**

---

### **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 12 hingga 16 Jun 2023**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
12.06.23 (Isnin) 10.00 pagi	Hextar Global Berhad (AGM)	<p>Secara keseluruhan, Hextar Global kekal optimistik terhadap prospek industri pertanian yang menyokong permintaan untuk produk agrokimia.</p> <p>Sementara itu, pasaran bagi bahan kimia khusus untuk pembersihan dijangka pulih dan kembali kukuh pada tahun 2023 berikutan pemulihan ekonomi global serta peningkatan permintaan untuk bahan kimia ini daripada institusi, hotel dan restoran.</p> <p>Bagaimanapun, pertumbuhan pasaran bagi bahan kimia salutan dan derivatif khas yang digunakan dalam industri getah dijangka perlahan di tengah-tengah keadaan pasaran yang mencabar dalam industri sarung tangan.</p>
12.06.23 (Isnin) 10.00 pagi	Dataprep Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan bagi tahun kewangan 2022 menyusut kepada RM28.13 juta daripada RM35.99 juta pada tahun sebelumnya. Margin untung kasarnya merosot kepada 15.9% daripada 18.7%, berpunca daripada projek-projek berkeuntungan tinggi yang sudah siap pada tahun sebelumnya.</p> <p>Rugi sebelum cukai Kumpulan meningkat kepada RM18.54 juta daripada RM11.14 juta, disebabkan oleh kekurangan projek yang menguntungkan, peningkatan caj susut nilai serta caj rosot nilai untuk jangkaan kerugian kredit ke atas penghutang.</p>
12.06.23 (Isnin) 02.30 petang	Pharmaniaga Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Pharmaniaga bagi tahun kewangan 2022 merosot 27% kepada RM3.5 bilion, berbanding RM4.8 bilion pada tahun 2021, berikutan permintaan yang rendah untuk vaksin Covid-19. Rugi bersihnya bagi tahun kewangan 2022 berjumlah RM607.3 juta, penurunan yang ketara daripada untung bersih sebanyak RM172.2 juta pada tahun</p>

		<p>keuangan 2021. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh rosot nilai secara besar-besaran berjumlah RM552.3 juta yang dibuat ke atas inventori vaksin Covid-19 yang bergerak perlahan. Akibatnya, jumlah ekuiti Pharmaniaga bagi tahun 2022 bertukar negatif kepada -RM227.4 juta, menyebabkan ia diklasifikasi sebagai syarikat di bawah Nota Amalan 17.</p>
13.06.23 (Selasa) 9.30 pagi	Boustead Heavy Industries Corporation Berhad (AGM)	<p>Prestasi Kumpulan bertukar menjadi rugi pada tahun kewangan 2022 dengan rugi bersih sebanyak RM19.9 juta, berbanding untung bersih sebanyak RM15.2 juta pada tahun 2021. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh elaun untuk jangkaan kerugian kredit yang lebih tinggi serta peningkatan kos kewangan.</p>
13.06.23 (Selasa) 10.00 pagi	Pekat Group Berhad (AGM)	<p>Pekat mencatatkan prestasi pendapatan yang berdaya tahan pada tahun kewangan 2022 berjumlah RM179.2 juta. Peningkatan ini didorong oleh pertumbuhan dalam bahagian pembumian, perlindungan kilat dan perdagangan. Walau bagaimanapun, bahagian solarnya menghadapi gangguan dalam pelaksanaan projek.</p> <p>Untung bersihnya menyusut kepada RM10 juta disebabkan oleh peningkatan kos kakitangan dan kos kewangan.</p>
13.06.23 (Selasa) 10.00 pagi	Bahvest Resources Berhad (EGM)	<p>EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk menyingkirkan tiga pengarah dan melantik tiga pengarah baharu dalam Lembaga Pengarah.</p>
13.06.23 (Selasa) 11.00 pagi	Kerjaya Prospek Group Berhad (AGM)	<p>Sejak pembukaan semula ekonomi, aktiviti pembinaan Kumpulan telah kembali ke tahap prapandemik. Oleh itu, pendapatan bagi tahun kewangan berakhir 2022 meningkat 14.9% kepada RM1.12 bilion (tahun kewangan 2021: RM977 juta), berikutan peningkatan dalam kemajuan aktiviti kerja-kerja</p>

		<p>pembinaan seiring dengan kemasukan pekerja asing.</p> <p>Selaras dengan perkara di atas, untung bersihnya meningkat 18.5% kepada RM114.8 juta (tahun kewangan berakhir 2021: RM96.9 juta).</p>
14.06.23 (Rabu) 10.00 pagi	Far East Holdings Berhad (AGM)	<p>Untung sebelum cukai Far East meningkat dengan ketara sebanyak RM64.23 juta (atau 31%) kepada RM274.69 juta pada tahun kewangan 2022, hasil daripada peningkatan harga purata minyak sawit mentah (<i>crude palm oil</i>, CPO) dan isirong sawit (<i>palm kernel</i>, PK), bahagian keuntungan yang lebih tinggi daripada syarikat bersekutu dan volum pengeluaran tandan buah segar (<i>fresh fruit bunch</i>, FFB) tahun ke tahun yang lebih tinggi.</p>
14.06.23 (Rabu) 10.30 pagi	Press Metal Aluminium Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Press Metal meningkat 42.6% tahun ke tahun kepada RM15.68 bilion pada tahun 2022, didorong oleh kenaikan harga aluminium, dolar AS yang lebih kukuh serta peningkatan kadar pengeluaran. Kumpulan berjaya mencapai jumlah jualan yang lebih tinggi selepas bermula operasi setahun penuh pertama untuk relau lebur Samalaju Fasa Tiga.</p> <p>Untung bersihnya meningkat 36.4% kepada RM1.77 bilion, didorong oleh pendapatan yang lebih tinggi serta sumbangan daripada syarikat bersekutu, namun sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan kos bahan mentah dan kos pengangkutan serta peruntukan cukai.</p>
14.06.23 (Rabu) 11.00 pagi	Parkwood Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM18.42 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM9.91 juta pada tahun kewangan 2021. Peningkatan pendapatan ini disumbangkan oleh bahagian pembangunan hartanah.</p> <p>Sementara itu, Kumpulan mencatatkan untung sebelum cukai berjumlah RM3.28 juta (tahun</p>

		<p>kewangan 2021: -RM3.82 juta), sebahagian besarnya disumbangkan oleh keuntungan nilai saksama daripada hartanah pelaburan serta pengiktirafan keuntungan yang lebih tinggi daripada kerja-kerja pembinaan yang disiapkan ke atas unit-unit baharu dan sedia ada yang sudah dijual.</p>
15.06.23 (Khamis) 09.30 pagi	Boustead Holdings Berhad (AGM)	<p>Boustead mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi berjumlah RM15.11 bilion pada tahun kewangan 2022 (tahun kewangan 2021: RM11.3 bilion) berikutan sumbangan yang kukuh daripada segmen Perdagangan, Kewangan dan Pelaburan serta Hartanah dan Perindustrian.</p> <p>Namun begitu, untung sebelum cukainya lebih rendah iaitu RM420.4 juta (tahun kewangan 2021: RM760.7 juta) terutamanya disebabkan oleh penurunan nilai inventori sebanyak RM572.4 juta oleh Pharmaniaga dan bahagian kerugian yang lebih tinggi daripada perniagaan usaha sama sebanyak RM153.2 juta (tahun kewangan 2021: kerugian RM64.1 juta).</p>
15.06.23 (Khamis) 10.00 pagi	Sime Darby Plantations Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan mencatatkan peningkatan 12% tahun ke tahun iaitu berjumlah RM21.03 bilion (tahun kewangan 2021: RM18.53 bilion) disebabkan oleh peningkatan harga yang direalisasikan serta prestasi yang kukuh oleh operasi hiliran iaitu Sime Darby Oils (SDO). Untung bersih bagi tahun kewangan 2022 meningkat 10% tahun ke tahun kepada RM2.49 bilion (tahun kewangan 2021: RM2.25 bilion) dengan prestasi yang memecahkan rekod oleh SDO yang berjaya memperoleh untung sebelum cukai sebanyak RM861 juta (tahun kewangan 2021: RM572 juta), 51% lebih tinggi daripada tahun sebelumnya.</p> <p>Jumlah jualan meningkat sedikit iaitu sebanyak 1% kepada 3,318 tan metrik (<i>metric ton, MT</i>) manakala</p>

		<p>penggunaan kapasiti sedikit merosot daripada 64% pada tahun kewangan 2021 kepada 61% pada tahun kewangan 2022 disebabkan oleh stok suapan yang rendah.</p>
<p>15.06.23 (Khamis) 10.00 pagi</p>	<p>Priceworth International Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan PWI melonjak 91% kepada RM129.0 juta pada tahun kewangan 2022, didorong oleh pemulihan operasi. Ia mencatatkan untung bersih sebanyak RM17.2 juta, pemulihan daripada rugi bersih berjumlah RM40.7 juta pada tahun 2021. Pertumbuhan jualan di Jepun, pengurusan kos yang berkesan serta penggunaan peralatan moden menyumbang kepada keuntungan syarikat, bersama-sama dengan keuntungan bukan teras seperti keuntungan nilai saksama ke atas aset biologi (RM17.2 juta), pembalikan rosot nilai ke atas penghutang (RM4.0 juta) dan diskaun penyelesaian awal pinjaman (RM6.6 juta).</p>
<p>15.06.23 (Khamis) 10.00 pagi</p>	<p>Capital A Berhad (AGM)</p>	<p>Berikutan peningkatan momentum perjalanan selepas pemulihan ekonomi, Kumpulan mencapai pertumbuhan 282% dalam pendapatan tahun ke tahun kepada RM6.4 bilion. Perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (<i>Earnings before interest, tax, depreciation and amortisation</i>, EBITDA) bagi setahun penuh ialah RM48 juta berbanding kerugian RM1.0 bilion pada tahun 2021. Bagaimanapun, Kumpulan masih mengalami kerugian sebanyak RM3,304 juta (tahun kewangan 2021: kerugian RM3,721 juta). Syarikat berusaha untuk mendapatkan kelulusan daripada Bursa Malaysia untuk pelan penyusunan PN17 menjelang pertengahan 2023. Ia berharap dapat memuktamadkan transaksi tersebut menjelang akhir tahun 2023.</p>
<p>15.06.23 (Khamis) 10.00 pagi</p>	<p>Jiankun International Berhad (AGM)</p>	<p>Pada tahun kewangan 2022, Kumpulan melaporkan perolehan sebanyak RM8.15 juta (tahun kewangan 2021: RM59.94 juta) dan rugi bersih berjumlah RM17.27 juta</p>

		<p>(tahun kewangan 2021: untung bersih RM2.15 juta).</p> <p>Kerugian ini disebabkan oleh pendapatan yang lebih rendah yang diiktiraf pada tahun tersebut.</p> <p>Pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan 2022 diperolehi daripada baki pendapatan projek Amani Residences dan peringkat awal pembinaan daripada One Le Tower di Klebang, Melaka.</p>
15.06.23 (Khamis) 10.00 pagi	WCT Holdings Berhad (AGM)	<p>Keuntungan operasi WCT merosot kepada RM223.01 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM430.29 juta pada tahun kewangan 2021, terutamanya disebabkan oleh keuntungan operasi yang lebih rendah daripada segmen kejuruteraan dan pembinaan (<i>engineering and construction, E&amp;C</i>) dan pembangunan hartanah (<i>property development, PD</i>).</p> <p>Segmen E&amp;C mencatatkan keuntungan yang lebih rendah pada tahun kewangan 2022 disebabkan ketiadaan keuntungan tidak berulang yang dianugerahkan daripada penyelesaian timbang tara di Timur Tengah.</p> <p>Prestasi segmen PD pula terkesan oleh rosot nilai ke atas hartanah tidak terjual dan keuntungan yang lebih rendah yang diiktiraf daripada pelupusan tanah kosong.</p>
15.06.23 (Khamis) 10.00 pagi	Malaysian Bulk Carriers Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2023, Maybulk menjangkakan pasaran pukal kering akan meneruskan aliran menurun menjelang akhir tahun kewangan 2022 disebabkan faktor musim dan mengurangkan kesesakan.</p> <p>Kebanyakan komoditi menyaksikan penarikan semula volum bawaan laut tahun ini yang dipengaruhi oleh keadaan makroekonomi yang lemah, ketegangan geopolitik serta tekanan inflasi.</p>



		Sehubungan itu, paras pengangkutan pukat kering bagi tahun 2023 dijangka lebih rendah berbanding tahun 2022.
15.06.23 (Khamis) 10.00 pagi	NWP Holdings Berhad (EGM)	NWP berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk resolusi berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Cadangan mempelbagaikan penggunaan hasil yang diperoleh daripada penempatan persendirian.</li> <li>- Cadangan menukar nama Syarikat kepada Auro Holdings Berhad.</li> </ul>
15.06.23 (Khamis) 10.30 pagi	Paramount Corporation Berhad (AGM)	Pada tahun kewangan 2022, Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM847.5 juta, iaitu 24% lebih tinggi daripada RM681.4 juta yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Sementara itu, untung sebelum cukai ( <i>profit before tax</i> , PBT) meningkat 50% kepada RM105.1 juta (tahun kewangan 2021: RM70.3 juta).  Keuntungan Kumpulan yang boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti biasa syarikat juga meningkat sebanyak 111% kepada RM60.2 juta pada tahun kewangan 2022 (tahun kewangan 2021: RM28.5 juta).
15.06.23 (Khamis) 11.00 pagi	Lii Hen Industries Bhd (AGM)	Pendapatan Lii Hen menyusut 2.4% kepada RM730.9 juta pada tahun kewangan 2022, hasil daripada jumlah penghantaran yang lebih rendah. Ini disebabkan oleh penghantaran tertunda yang berpunca daripada gangguan rantaian bekalan global serta tahap inventori pelanggan yang tinggi.  Untung bersih LHIB meningkat hampir sekali ganda, mencecah RM74.8 juta berbanding RM37.8 juta pada tahun kewangan 2021. Ia didorong oleh peningkatan nilai dolar AS sepanjang tahun 2022, kos bahan mentah yang lebih rendah pada separuh kedua tahun tersebut serta penambahbaikan kecekapan operasi.

15.06.23 (Khamis) 11.00 pagi	Malaysian Bulk Carriers Berhad (EGM)	EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan pengurangan modal sebanyak RM275.0 juta daripada modal saham terbitan Syarikat menurut Seksyen 116 Akta Syarikat 2016.
15.06.23 (Khamis) 2.00 petang	Time dotCom Berhad (AGM)	<p>Time dotCom mencatatkan lonjakan pendapatan iaitu berjumlah RM1.575 bilion pada tahun kewangan 2022 atau pertumbuhan 12.9% berbanding RM1.396 bilion pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Pendapatan yang lebih tinggi ini disumbangkan oleh peningkatan dalam pendapatan data berulang serta pendapatan daripada pusat data.</p> <p>Sementara itu, untung bersihnya melonjak kepada RM456.3 juta berbanding RM396.8 juta pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Syarikat mengunjurkan tinjauan yang positif dengan jangkaan permintaan yang kukuh, terutamanya untuk data dan perkhidmatan awan daripada segmen pelanggan Runcit dan Perusahaan.</p>
15.06.23 (Khamis) 2.30 petang	Oriental Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan meningkat 15.15% tahun ke tahun kepada RM3.8 bilion (2021: RM3.3 bilion) diterajui oleh sumbangan daripada segmen Automotif dan Perladangan, masing-masing menyumbang 49% dan 23% kepada pendapatan yang disatukan.</p> <p>Untung sebelum cukai Kumpulan meningkat 35.17% kepada RM820.2 juta (2021: RM606.8 juta) hasil sumbangan positif daripada semua segmen perniagaan. Prestasi kewangan yang kukuh ini adalah cerminan kenaikan harga produk sawit serta keuntungan tidak berulang daripada pelupusan sebuah hotel di Australia. Kumpulan menjangkakan tahun kewangan 2023 akan terus diwarnai dengan peluang dan cabaran.</p>

15.06.23 (Khamis) 2.30 petang	Mudajaya Group Berhad (AGM)	<p>Kumpulan melaporkan pendapatan berjumlah RM305.2 juta bagi tahun kewangan 2022, meningkat 22% berbanding RM250.9 juta pada tahun kewangan 2021. Ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh aliran pendapatan baharu daripada pengambilalihan Real Jade Group.</p> <p>Keuntungannya meningkat kepada RM24.5 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM13.9 juta pada tahun kewangan 2021, hasil daripada kemajuan kerja yang lebih baik daripada projek-projek pembinaan yang sedang dijalankan di Malaysia.</p>
15.06.23 (Khamis) 2.30 petang	Genting Malaysia Berhad (EGM)	EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan pelupusan empat bidang tanah di Miami seluas 15.47 ekar (secara kolektif dikenali sebagai "Miami Herald Land") pada harga USD1.225 bilion (bersamaan kira-kira RM5.482 bilion) kepada Smart City Miami, LLC.
15.06.23 (Khamis) 3.00 petang	UEM Edgenta Berhad (AGM)	Pada tahun kewangan 2022, UEM Edgenta menembusi pasaran Kerajaan Arab Saudi ( <i>Kingdom of Saudi Arabia, KSA</i> ) dengan memperoleh 60% dalam MEEM – sebuah pengurusan kemudahan terkemuka di KSA dengan harga RM13 juta. Pada masa yang sama, ia keluar dari pasaran India dengan melepaskan 51% pegangan dalam Faber Sindoori Management Services Pte Ltd (FSPL) kepada Apollo Sindoori Holdings Limited (ASHL) dengan harga RM39 juta.
15.06.23 (Khamis) 3.30 petang	Time dotCom Berhad (EGM)	EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan penubuhan pelan pemberian saham sehingga 10% daripada saham biasa yang diterbitkan dalam Time Dotcom Berhad.
16.06.23 (Jumaat) 10.00 pagi	Digistar Corporation Berhad (EGM)	EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan terbitan bonus sehingga

		135.15 juta waran dalam Digistar Corporation Berhad (Waran D) pada asas satu Waran D bagi setiap empat saham biasa sedia ada yang dipegang.
--	--	---

<b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
Dataprep Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan merekodkan pendapatan berjumlah RM28.13 juta pada tahun kewangan berakhir 2022 berbanding RM35.99 juta bagi tahun kewangan 2021. Pendapatan yang lebih rendah ini disebabkan oleh beberapa projek berskala besar yang sudah siap pada tahun itu, yang diimbangi oleh projek baharu yang diperolehi. (Halaman 28, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Apakah buku pesanan terkini Kumpulan untuk projek-projek yang sedang berjalan? Apakah perancangan Syarikat untuk projek yang akan datang?</p> <p>b) Bagaimanakah Syarikat mengenal pasti dan memperoleh projek baharu? Apakah kelebihan daya saing Syarikat dalam memenangi kontrak-kontrak ini?</p> <p>c) Adakah Syarikat mempunyai kontrak jangka panjang atau aliran pendapatan berulang yang memberikan jaminan penjana pendapatan yang stabil? Sejauh manakah kepentingan kontrak ini dalam campuran pendapatan Syarikat secara keseluruhan?</p>
Pharmaniaga Berhad (AGM)	<p>Jumlah ekuiti Pharmaniaga bagi tahun kewangan 2022 berjumlah negatif RM227 juta, terutamanya disebabkan oleh rosot nilai penuh ke atas inventori vaksin COVID-19 yang bergerak perlahan sebanyak RM552 juta (Halaman 39, Laporan Bersepadu 2022).</p> <p>a) Sila jelaskan secara terperinci tentang proses membuat keputusan sebelum membuat perolehan jumlah vaksin yang sangat tinggi. Bagaimanakah Pharmaniaga menilai kesan kewangan daripada keputusan perolehan ini? Apakah tindakan yang diambil untuk memastikan ketelusan, akauntabiliti serta pematuhan terhadap amalan tadbir urus yang baik? Apakah kaedah, pendekatan dan pertimbangan yang diambil kira semasa menilai potensi risiko yang berkaitan dengan perolehan jumlah vaksin yang begitu besar?</p> <p>b) Mengapakah terdapat keperluan bagi Syarikat untuk memperoleh stok vaksin yang begitu banyak, lebih-lebih lagi selepas kerajaan membuat pengumuman bahawa negara sudah mencapai imuniti kelompok pada September 2021?</p> <p>c) Apakah perkembangan terkini yang berkaitan usaha menghabiskan stok vaksin dan perjanjian yang berpotensi dengan pembeli. Apakah strategi dan garis masa yang</p>

	<p>dirancang untuk memudahkan penjualan dan pergerakan stok vaksin? Bilakah tarikh luput stok vaksin ini dan sejauh manakah keyakinan Pharmedia dapat melaksanakan inventori vaksin ini sebelum tiba tarikh luputnya?</p> <p>d) Apakah harga jualan yang ditetapkan oleh Pharmedia untuk vaksin ini dan berapakah perbezaannya dengan harga belian?</p>
Boustead Heavy Industries Corporation Berhad (AGM)	<p>Kos kewangan meningkat kepada RM18.0 juta berbanding RM15.3 juta pada tahun fiskal sebelum ini (Halaman 31, Laporan Bersepadu 2022). Adakah Kumpulan menjangkakan kos kewangan akan kekal pada tahap yang sama atau lebih tinggi pada tahun kewangan 2023? Sejauh manakah kenaikan kadar faedah mempengaruhi keuntungan Kumpulan pada tahun kewangan 2023?</p>
Pekati Group Berhad (AGM)	<p>Segmen pasaran perindustrian dan komersial, terutamanya yang diterajui oleh Pekati Solar Sdn. Bhd, mencatatkan pendapatan yang lebih rendah iaitu berjumlah RM96.5 juta pada tahun kewangan 2022, berbanding RM113.2 juta pada tahun kewangan 2021, disebabkan gangguan dalam pelaksanaan projek (Halaman 15, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Adakah gangguan ini disebabkan oleh faktor dalaman (misalnya isu operasi atau kekangan sumber) atau faktor luaran (seperti perubahan peraturan atau gangguan rantaian bekalan)? Adakah isu-isu yang menyebabkan gangguan ini telah berjaya ditangani atau adakah ia masih berterusan?</p> <p>b) Adakah gangguan ini mewujudkan perbelanjaan tambahan atau kos tidak dijangka yang memberi kesan terhadap keuntungan segmen pasaran perindustrian dan komersial?</p> <p>c) Adakah gangguan itu memberi kesan terhadap semua projek dalam segmen pasaran perindustrian dan komersial atau adakah ia lebih mempengaruhi projek tertentu berbanding yang lain?</p> <p>d) Jika pelaksanaan projek tidak terganggu, berapakah pendapatan yang dijangka bagi segmen pasaran perindustrian dan komersial pada tahun kewangan 2022?</p>
Press Metal Aluminium Holdings Berhad (AGM)	<p>Keputusan Press Metal untuk suku pertama 2023 mencerminkan permulaan yang lemah pada tahun ini, apabila keuntungan teras tidak menepati ramalan penganalisis dan jangkaan pasaran. Prestasi ini terutamanya disebabkan oleh harga jualan logam yang lunak serta sumbangan yang lebih rendah daripada syarikat bersekutu.</p> <p>a) Bagaimanakah prospek Press Metal terhadap harga jualan logam untuk suku tahun akan datang dan apakah faktor yang dijangka mempengaruhi arah aliran harga?</p>

	<p>b) Apakah jangkaan Press Metal terhadap prestasi syarikat bersekutunya pada suku tahun akan datang dan apakah faktor yang boleh mempengaruhi prestasi mereka?</p> <p>c) Berdasarkan keputusan suku pertama 2023, apakah tindakan yang diambil oleh Press Metal untuk mengoptimumkan struktur kosnya, sekaligus meningkatkan kecekapan operasi untuk mengemudi syarikat dalam keadaan pasaran semasa?</p> <p>d) Sila berikan butiran tentang sebarang perancangan pelaburan atau perbelanjaan modal utama yang sudah dikenal pasti oleh Press Metal bagi tahun 2023 untuk menyokong objektif pertumbuhannya.</p> <p>e) Apakah sasaran atau titik pencapaian kewangan Press Metal bagi tahun 2023 dan jangka sederhana (3-5 tahun) dan apakah strategi yang dilaksanakan oleh syarikat untuk mencapainya?</p>
Parkwood Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan juga akan terus meneroka usaha sama (<i>joint ventures, JV</i>) dan mengenal pasti bank tanah baharu untuk dibangunkan bagi memastikan kemampuan dan pertumbuhan Kumpulan (Halaman 12, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Apakah perkembangan terkini yang berkaitan pencarian peluang JV dan mengenal pasti bank tanah baharu? Adakah Kumpulan sedang berbincang secara serius dengan mana-mana pihak?</p> <p>b) Apakah saiz bank tanah semasa Parkwood? Apakah penambahan bank tanah yang disasarkan dalam dua tahun kewangan akan datang?</p>
Boustead Holdings Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan, terdapat penurunan nilai bersih ke atas inventori barangan untuk jualan semula kepada nilai boleh realis bersih sebanyak RM572.4 juta (2021: RM25.7 juta). Setakat 31 Disember, disebabkan tiada petunjuk mengenai penjualan inventori vaksin COVID-19, syarikat membuat peruntukan penuh ke atas inventori yang bergerak perlahan berjumlah RM552.4 juta (Halaman 331, Laporan Bersepadu 2022).</p> <p>a) Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan dan pihak pengurusan untuk menangani isu penurunan nilai inventori pada tahun kewangan dalam tinjauan?</p> <p>b) Apakah prospek terkini untuk menjual atau melangsaikan inventori yang bergerak perlahan? Adakah Kumpulan berjaya menjual atau menghabiskan sebahagian inventori ini? Jika ya, berapa banyak inventori yang telah dijual atau dihabiskan sehingga kini?</p>

<p>Sime Darby Plantations Berhad (AGM)</p>	<p>Sumbangan pendapatan Kumpulan daripada pelanggan India dan China telah menyusut dengan ketara seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="643 286 1332 495"> <thead> <tr> <th></th> <th style="text-align: center;"><b>2022</b> <b>RM'juta</b></th> <th style="text-align: center;"><b>2021</b> <b>RM'juta</b> <b>(Dibentangkan semula)</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>India</td> <td style="text-align: center;">1.93</td> <td style="text-align: center;">3.51</td> </tr> <tr> <td>China</td> <td style="text-align: center;">0.15</td> <td style="text-align: center;">0.55</td> </tr> </tbody> </table> <p>(Nota 41 (c), Halaman 210, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Apakah yang menyebabkan penurunan ketara dalam sumbangan pendapatan daripada pelanggan India dan China? Setakat ini, adakah terdapat tanda-tanda prospek permintaan yang semakin lemah dari India dan China untuk produk minyak sawit Kumpulan?</p>		<b>2022</b> <b>RM'juta</b>	<b>2021</b> <b>RM'juta</b> <b>(Dibentangkan semula)</b>	India	1.93	3.51	China	0.15	0.55
	<b>2022</b> <b>RM'juta</b>	<b>2021</b> <b>RM'juta</b> <b>(Dibentangkan semula)</b>								
India	1.93	3.51								
China	0.15	0.55								
<p>Priceworth International Berhad (AGM)</p>	<p>Juruaudit luar telah mengetengahkan isu usaha berterusan (Nota 2, Halaman 61, Laporan Tahunan 2022) kerana liabiliti semasa PWI melebihi aset semasanya sebanyak RM14.87 juta pada 31 Disember 2022, serta pelanggaran terma pembayaran balik pinjaman. Selain itu, PWI mempunyai baki tertunggak yang besar berjumlah RM32.99 juta yang perlu dibayar kepada pemiutang pihak ketiga, juga terdapat pelanggaran pembayaran balik. Keadaan ini menimbulkan keraguan yang ketara berhubung keupayaan PWI untuk meneruskan perniagaan sebagai usaha berterusan.</p> <p>a) Bagi menangani cabaran ini dan memastikan kesinambungan perniagaannya, salah satu rancangan PWI adalah untuk mengeluarkan lebih banyak penempatan persendirian. Namun demikian, memandangkan cabaran yang sedang dihadapi oleh perniagaan PWI selain aliran tunai operasi yang negatif sebanyak RM19.0 juta pada tahun kewangan 2022 dan RM6.5 juta pada suku pertama tahun 2023, apakah faktor utama yang pada firasat anda, akan mendorong pelabur untuk mengambil bahagian dalam penempatan persendirian ini?</p> <p>b) Adakah PWI menerima sebarang maklum balas daripada pihak bank berhubung cadangan untuk menanggungkan syarat-syarat pembayaran balik pinjaman bank? Sekiranya cadangan tersebut ditolak, bagaimanakah PWI bercadang untuk menyelesaikan pembayaran balik bagi keseluruhan baki pinjaman tertunggak sebanyak RM16.90 juta dengan kadar segera?</p> <p>c) Apakah perancangan luar jangka atau alternatif yang disediakan oleh PWI untuk memastikan syarikat ini kekal berdaya maju?</p>									
<p>Capital A Berhad (AGM)</p>	<table border="1" data-bbox="981 1899 1321 1971"> <thead> <tr> <th colspan="2" style="text-align: center;"><b>Kumpulan</b></th> </tr> <tr> <th style="text-align: center;"><b>2022 (RM'000)</b></th> <th style="text-align: center;"><b>2021 (RM'000)</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td> </td> <td> </td> </tr> </tbody> </table>	<b>Kumpulan</b>		<b>2022 (RM'000)</b>	<b>2021 (RM'000)</b>					
<b>Kumpulan</b>										
<b>2022 (RM'000)</b>	<b>2021 (RM'000)</b>									

	<p>Jumlah terhutang daripada pihak berkaitan</p> <table border="0"> <tr> <td></td> <td style="text-align: right;">416,829</td> <td style="text-align: right;">703,663</td> </tr> <tr> <td>Tolak: Elaun rosot nilai</td> <td style="text-align: right;">(261,908)</td> <td style="text-align: right;">(569,510)</td> </tr> </table> <p><i>(Halaman 320, Laporan Tahunan 2022)</i></p> <p>a) Mengapakah terdapat elaun rosot nilai yang begitu besar ke atas jumlah terhutang daripada pihak berkaitan?</p> <p>b) Siapakah pihak berkaitan ini dan apakah kaitannya dengan Capital A?</p> <p>c) Adakah mana-mana jumlah yang dirosot nilai ini berjaya dipulihkan sehingga kini? Berapakah peratusan daripada jumlah yang terjejas ini dijangka dapat dipulihkan?</p>		416,829	703,663	Tolak: Elaun rosot nilai	(261,908)	(569,510)
	416,829	703,663					
Tolak: Elaun rosot nilai	(261,908)	(569,510)					
<p>Jiankun International Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan melaporkan pendapatan sewa berjumlah RM80,000 pada tahun kewangan 2022 berbanding RM120,000 pada tahun kewangan 2021, dengan penurunan sebanyak RM40,000 atau 33.3%. (Halaman 18, Laporan Tahunan)</p> <p>Hartanah pelaburan Kumpulan terletak di Huizhou, China di bawah pajakan panjang. (Halaman 117, Laporan Tahunan).</p> <p>Hartanah pelaburan ini bernilai RM24.2 juta pada tahun kewangan 2022 dan RM27.6 juta pada tahun kewangan 2021. Ini menunjukkan ia mengalami kerugian rosot nilai.</p> <p>a) Mengapakah Kumpulan memilih untuk melabur dalam hartanah pelaburan di Huizhou, China?</p> <p>b) Apakah punca penurunan mendadak dalam pendapatan sewa pada tahun kewangan 2022?</p> <p>c) Sila nyatakan perolehan sewa bersih daripada hartanah pelaburan bagi tahun kewangan 2022 dan 2021.</p> <p>d) Apakah kadar penghunian untuk hartanah pelaburan ini bagi tahun kewangan 2022 dan 2021?</p> <p>e) Apakah rancangan strategik Syarikat ke atas hartanah pelaburan yang menjana pendapatan sewa yang rendah dan kerap mengalami kerugian rosot nilai?</p> <p>f) Apakah prospek pendapatan sewa untuk hartanah pelaburan pada tahun kewangan 2023?</p>						
<p>Paramount Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>Mercure Kuala Lumpur Glenmarie yang bertaraf 4 bintang mencatatkan pendapatan berjumlah RM7.9 juta (tahun kewangan 2021: RM0.3 juta) dan rugi sebelum cukai (<i>loss before tax, LBT</i>) berjumlah RM6.8 juta (tahun kewangan 2021: LBT sebanyak RM3.5 juta). (Halaman 32, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan Mercure Kuala Lumpur Glenmarie merekodkan pendapatan yang lebih tinggi</p>						



	<p>tetapi juga mencatatkan LBT yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2022?</p> <p>b) Berapakah kadar penghunian hotel semasa pada bulan Mei 2023?</p> <p>c) Bagaimanakah prospek Mercure Kuala Lumpur Glenmarie pada tahun kewangan 2023?</p>
Lii Hen Industries Bhd (AGM)	<p>Kumpulan mula menghadapi kelembapan dalam pesanan mulai bulan Mei 2022. Semenjak itu, pesanan menjadi perlahan, terutamanya disebabkan oleh peruncit Amerika Syarikat (AS) yang menghentikan pesanan dan mengurangkan inventori kerana menjangkakan kelembapan ekonomi (Halaman 6, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Prestasi kewangan Kumpulan pada suku pertama 2023 baru-baru ini jatuh di bawah jangkaan penganalisis. Adakah Kumpulan menjangkakan kelembapan dalam pesanan ini akan berterusan sepanjang 2023? Apakah prospek Kumpulan untuk bulan-bulan yang masih berbaki tahun ini, terutama dari segi jualan dan keuntungan?</p> <p>b) Apakah persediaan Kumpulan untuk menghadapi penyusutan dalam permintaan sepanjang tahun 2023?</p>
Time dotCom Berhad (AGM)	<p>TIME dengan bangganya melancarkan pelan Time Fiber Home 2Gbps, pelan pertama dan satu-satunya seumpama ini di Malaysia, di samping pelancaran jenama TIME yang diberikan nafas baharu pada 7 Oktober 2022. Ini adalah langkah yang tepat pada masanya yang dilaksanakan untuk menampung perniagaan runcitnya yang semakin berkembang serta memenuhi jangkaan keperluan pasaran pada tahun-tahun akan datang. (Halaman 7, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Bagaimanakah maklum balas terhadap pelan Time Fiber Home 2Gbps daripada sektor runcit dan perusahaan? Sila berikan beberapa angka, jika berkenaan. Sejak Oktober 2022, adakah terdapat syarikat-syarikat seindustri lain yang melancarkan pelan sedemikian? Jika ada, bagaimanakah daya saing pelan TIME berbanding yang lain?</p>
Oriental Holdings Berhad (AGM)	<p>Kerugian rosot nilai Kumpulan ke atas penghutang yang dihapus kira meningkat dengan ketara kepada RM4.3 juta (2021: RM0.6 juta) (Nota 32.4, Halaman 191, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Apakah yang menyebabkan peningkatan besar dalam kerugian rosot nilai ke atas penghutang yang dihapus kira? Apakah item utama yang terangkum dalam kerugian rosot nilai ke atas penghutang yang dihapus kira?</p>
Mudajaya Group Berhad (AGM)	<p>Ekonomi global kekal tidak menentu disebabkan oleh konflik Rusia dan Ukraine yang berpanjangan. Ini mengakibatkan tekanan inflasi yang menyebabkan kenaikan harga bahan dan kadar faedah. Situasi ini masih menjadi cabaran kepada</p>

	<p>industri pembinaan tempatan. Sehubungan itu, Mudajaya mengambil pendekatan untuk kekal optimistik namun berhati-hati semasa memilih projek-projek di Malaysia yang akan diumumkan oleh Kerajaan (Halaman 43, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Berdasarkan pernyataan di atas, apakah kriteria yang ditetapkan oleh Mudajaya untuk membida sesuatu projek?</p> <p>b) Adakah Kumpulan sedang membida untuk sebarang projek? Jika ya, apakah projek itu dan berapakah nilainya? Berapakah nilai kontrak yang dijangka akan diperolehi Lembaga pada tahun kewangan 2023?</p> <p>c) Berapakah buku pesanan semasa Kumpulan dan penambahan buku pesanan yang disasarkan dalam dua tahun kewangan akan datang?</p>
<p>UEM Edgenta Berhad (dahulunya dikenali sebagai Faber Group Bhd) (AGM)</p>	<p>Pada tahun kewangan 2022, UEM Edgenta menghapus kira inventori bernilai RM12.76 juta daripada bukunya (Halaman 305, Laporan Tahunan Bersepadu 2022).</p> <p>Inventori ini diperolehi dalam tahun kewangan dan dihapus kira pada tahun yang sama. Ia berkaitan dengan perniagaan COVID-19 di bawah segmen sokongan penjagaan kesihatan (Halaman 338, Laporan Tahunan Bersepadu 2022).</p> <p>Apakah inventori yang dibeli? Mengapakah Syarikat menghapus kira inventori ini dalam tempoh yang singkat sedangkan situasi pandemik COVID-19 tidak banyak berubah sepanjang tahun 2022?</p>

#### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([clint.loh@mswg.org.my](mailto:clint.loh@mswg.org.my))

Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([nuramirah@mswg.org.my](mailto:nuramirah@mswg.org.my))

#### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

#### PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*